

BERITA HARIAN

DATE: 23/2/2010

Semangat DEB jadikan asas Model Ekonomi Baru



LAPORAN Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan lebih 900 juta penduduk Asia dikategorikan miskin tegar yang berpendapatan kurang AS\$1.25 (RM4.25) sehari, dengan penduduk di India dan China golongan miskin tegar paling ramai di Asia.

Namun, di sebalik laporan itu, keluar senarai terkini golongan terkaya di Malaysia dan hanya tiga usahawan Melayu daripada keseluruhan 20 orang terkaya yang memiliki nilai kekayaan melebihi RM1 bilion.

Kekayaan individu rakyat Malaysia di kalangan keturunan Cina dan India di negara ini yang memiliki nilai melebihi RM1 bilion adalah 17 orang dengan pemilikan kolektif kekayaan mereka RM133.308 bilion berbanding usahawan Melayu dengan tiga individu tersenarai, iaitu Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary (RM6 bilion), Tan Sri Azman Hashim (RM2.86 bilion) dan Datuk Mokhzani Mahathir (RM 1.075 bilion), nilai kolektif kekayaan mereka hanya RM9.935 bilion.

Secara nisbahnya, golongan individu terkaya negara di antara komuniti Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah pada kadar 133.3:99 atau 13.46:1. Secara peratusannya, kekayaan tiga individu Melayu ter-

kaya hanya pada kadar 7.45 peratus daripada pemilikan kolektif 17 individu daripada kaum Cina dan India terkaya di negara ini.

Kekayaan yang dimiliki secara kolektif ini adalah 13.5 kali ganda lebih kaya berbanding yang dimiliki tiga individu kaum Bumiputera yang tersenarai. Malah kekayaan tiga individu Melayu itu adalah secara kolektifnya juga kurang RM123.373 bilion untuk mengimbangi kekayaan 17 individu terkaya bukan Bumiputera, iaitu 92.54 peratus jauh mendahului kekayaan Bumiputera dalam 20 senarai individu terkaya Malaysia.

Bukankah ini menandakan bahawa masih wujud jurang nilai kekayaan yang begitu dominan dalam kerangka geoekonomi negara. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dijana Tun Abdul Razak Hussein pada 1970-an nyata sekali masih perlu dikekalkan beberapa elemen fundamental yang dapat terus digunakan pakai kerajaan, terutama dalam menggubal asas kepada matlamat Model Ekonomi Baru yang bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak nanti.

Jika dalam perkara dasar dan politik, hak Melayu sering dipertikai, dan didesak lebih bertolak ansur, maka kini tahap tolak ansur ekonomi yang 'ketuanannya' dipegang kaum Cina haruslah diseimbangi dengan kesedaran membantu rakan senegara mereka yakni Bumiputera mendapat peluang ekonomi dan kemakmuran supaya dapat bersaing secara saksama.

Lihat saja betapa tiga individu

Melayu yang tersenarai bukanlah hash warisan kekayaan generasi sebelumnya, berlainan dengan beberapa individu yang mewarisi legasi kekayaan generasi sebelumnya atau juga mewarisi peninggalan suami mereka.

Tokoh Melayu terkaya dalam senarai 20 individu melebihi RM1 bilion itu, membuktikan bahawa jika kerajaan bersungguh-sungguh menerapkan aplikasi dasar perekonomian membantu meningkatkan bilangan usahawan Bumiputera, maka tidak mustahil kejayaan akan dapat ditempa, dan ini adalah hasil bukan bersifat 'legasi' tetapi bersifat 'usahawan total'.

Nisbah kekayaan 20 individu terkaya negara jika dilihat daripada pecahan tiga kaum utama ekonomi, maka kita dapati individu kaum Cina dan India berada di tempat lebih atas daripada nilai kolektif kekayaan individu Melayu.

Secara kolektifnya, nilai kekayaan 16 individu berketurunan Cina adalah sebanyak RM106.302 bilion, dan kekayaan seorang individu kaum India adalah RM 27 bilion, sementara nilai kolektif tiga individu Melayu, hanya RM9.935 bilion. Ia adalah pada nisbah 106:27:10. Maka penguasaan ekonomi Cina dan India di Malaysia adalah jauh lebih berkuasa daripada Bumiputera.

Persoalannya, di manakah usahawan Melayu lainnya, sedangkan sudah lebih tiga dekad aplikasi DEB dilaksanakan bertujuan meningkatkan kapasiti ekonomi Bumiputera dilaksanakan. Ini membuktikan bahawa kekayaan negara ma-

sih berada pada tahap tidak seimbang, dan 'tongkat' masih perlu dikekalkan kepada masyarakat Bumiputera.


Di sebalik pelbagai polemik ditimbulkan seolah-olah menggambarkan golongan Bumiputera mencengkam 'kuasa' politik, namun hakikat sebenar 'kuasa ekonomi' berada di tangan bukan Bumiputera.

Untuk itu, dalam konsep 1Malaysia, gabungan paksi 'kekuasaan' dimiliki Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini wajar disatukan, dan jika tanpa prejudis dan masing-masing bersikap membantu dan bukan lagi hanya bersifat toleransi tetapi lebih kepada sikap penerimaan dan berlapang dada untuk sama-sama memastikan supaya kestabilan dan kemakmuran negara tidak terganggu, pastinya keseluruhan masyarakat akan mendapat nikmat dan kesejahteraan.

Soal siapa 'tuan' dan siapa 'hamba' tidak harus lagi dipertikaikan, malah jika mahu diwujudkan keseimbangan, maka 'hak istimewa ekonomi' bukan Bumiputera ini juga wajar diagihkan sama rata kepada semua kaum tanpa prejudis, adakah ini namanya adil?

K keadaan Melayu menjadi 'tuan' pada politik sedangkan Cina menguasai ekonomi negara ini persoalan menarik untuk difikirkan. Kekuatan 1Malaysia wajar menjadi rakyat rasional dan menjauhkan polemik daripada menguasai diri.

Penulis ialah pensyarah bidang politik-ekonomi di Universiti Utara Malaysia, Kedah



Syed Mokhtar Al Bukhary



Azman Hashim



Mokhzani Mahathir